



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتَن هَالْهَوَالْ اِكَامْ اِسْلَامْ نِغَرِي سَابَاهْ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

05 RABIULAWAL 1447H/ 29 OGOS 2025M

PERPADUAN UMAT TUNJANG NEGARA MERDEKA

Disediakan oleh

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

TEKS KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا وَاذْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً
فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا وَكُنْتُمْ عَلَى شَفَا حُفْرَةٍ مِنَ النَّارِ
فَأَنْقَذَكُمْ مِنْهَا كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ آيَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٠٣﴾ (آل عمران: 103)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾

JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Ketahuilah ketakwaan kepada Allah SWT merupakan kunci untuk kita meraih kejayaan di akhirat yang dijanjikan. Justeru marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan apa jua yang dilarang-Nya. Semoga dengannya kita dikurniakan ganjaran kejayaan sama ada di dunia yang fana ini mahupun akhirat yang pasti. Pada hari Jumaat kali ini, bersempena dengan bulan kemerdekaan tanah air kita yang tercinta, khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk **“PERPADUAN UMAT TUNJANG NEGARA MERDEKA”**.

SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN ALLAH SWT,

Sebagaimana lazimnya pada 31 Ogos setiap tahun kita akan meraikan hari kemerdekaan negara. Sejarah membuktikan bahawa banyak jalan berliku yang ditempuh oleh para pejuang tanah air bagi meraih kemerdekaan yang didambakan. Namun satu perkara yang jelas, kesepaduan yang dizahirkan oleh segenap lapisan masyarakat ketika itu menjadikan negara penjajah bersetuju untuk memberikan kemerdekaan kepada tanah air yang tercinta ini. Menariknya, perpaduan inilah yang diajarkan oleh Islam kepada umatnya dalam membina kekuatan sebagaimana firman Allah SWT dalam surah ali-'Imraan, ayat 103 yang khatib bacakan di awal khutbah:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا وَاذْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا وَكُنْتُمْ عَلَى شَفَا حُفْرَةٍ مِنَ النَّارِ فَأَنْقَذَكُمْ مِنْهَا كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ آيَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٠٣﴾

Yang bermaksud: *“Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (ugama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai; dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuh-musuhan (semasa jahiliah dahulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu-padu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara. Dan kamu dahulu telah berada di tepi jurang neraka (disebabkan kekufuran kamu semasa jahiliah), lalu Allah selamatkan kamu dari neraka itu (disebabkan nikmat Islam juga). Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keterangan-Nya, supaya kamu mendapat petunjuk hidayah-Nya.”*

JEMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SWT,

Nikmat kemerdekaan yang kita kecapai hingga ke saat ini hendaklah kita syukuri dengan sebaiknya. Hal ini kerana melalui kemerdekaanlah kita

berjaya bangkit di atas kaki sendiri membina kemajuan negara dengan hala tuju yang jelas sehingga dikenali di peringkat global. Justeru itu, sikap terlalu leka dengan nikmat kemerdekaan akan mengakibatkan kesejahteraan dan kemakmuran yang dinikmati pada saat ini akan hilang dalam sekelip mata. Peringatan ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam surah Ibrahim ayat 7 yang menjelaskan ancaman kepada mereka yang tidak mensyukuri nikmat kurniaan Allah SWT:

وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِنْ شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ وَلَئِنْ كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ ﴿٧﴾

Yang bermaksud: *"Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu: "Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambah nikmat-Ku kepada kamu, dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azab-Ku amatlah keras".*

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Mutakhir ini, media sosial sering memaparkan gejala sosial yang boleh merosakkan perpaduan masyarakat negara ini seperti kes buli, pembunuhan jiwa, rompakan harta dan penyebaran fitnah tanpa tabayyun terlebih dahulu sangat menggugat ketenteraman negara. Hal ini menunjukkan kepada kita bahawa elemen yang tidak sihat sedang menjalar dalam kalangan masyarakat kita justeru mampu menggugat nilai perpaduan yang kita pupuk sekian lamanya sejak kemerdekaan. Elemen negatif seumpama ini jelas sekali tersasar daripada nilai Islam yang mengajarkan kita untuk sentiasa bersatu padu bahkan melarang kita untuk berpecah belah sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

فَإِنَّ يَدَ اللَّهِ عَلَى الْجَمَاعَةِ فَإِنَّ الشَّيْطَانَ مَعَ مَنْ فَارَقَ الْجَمَاعَةَ يَرْكُضُ

Yang bermaksud: *"Sesungguhnya tangan Allah bersama dengan al-jama'ah. Dan sesungguhnya syaitan itu akan berlari bersama dengan mereka yang memisahkan diri dari jamaah (kelompok umat Islam)".* (HR. an-Nasaie)

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Perpaduan hanya akan dapat dipupuk dengan adanya hati yang mempunyai perasaan empati dan berkasih sayang dalam setiap kalangan masyarakat di negara ini tanpa mengira latar belakang agama, bangsa dan budaya. Hal ini kerana daripada sifat empati dan kasih sayang akan hadir kesefahaman lantaran perasaan suka dan duka turut sama dirasakan oleh setiap jiwa. Demikianlah tuntutan ajaran Islam agar setiap umatnya menanam sifat berkasih sayang serta perasaan empati di dalam diri mereka agar agenda perpaduan terus terjaga sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

مَثَلُ الْمُؤْمِنِينَ فِي تَوَادِّهِمْ وَتَرَاحُمِهِمْ وَتَعَاطُفِهِمْ مَثَلُ الْجَسَدِ إِذَا اشْتَكَى مِنْهُ عُضْوٌ تَدَاعَى لَهُ سَائِرُ

الْجَسَدِ بِالسَّهْرِ وَالْحُمَّى

Yang bermaksud: *"Perumpamaan golongan yang beriman pada sifat berkasih sayang, saling merahmati, dan saling membantu adalah seperti suatu badan. Apabila ada anggota badan yang sakit, ia menyebabkan keseluruhan tubuh badan tidak dapat tidur dan juga menjadi demam".*
(HR. al-Bukhari)

JEMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SWT,

Bersempena dengan Hari Kemerdekaan yang kita akan sambut tidak lama lagi, marilah kita mengeratkan hubungan silaturahim dan persaudaraan yang terjalin antara kita semua tanpa mengira latar belakang agama, bangsa mahupun budaya etnik masing-masing. Hal ini kerana, tanpa adanya perpaduan nikmat kemerdekaan yang kita kecapi akan hilang tanpa kita sedari. Justeru itu, ingatlah pesan-pesan yang berikut:

Pertama: Kemerdekaan diraih hasil jerih perih para pejuang tanah air. Oleh yang demikian, jagalah ia dengan sebaik-baiknya.

Kedua: Perpaduan merupakan kunci kepada kestabilan negara sehingga kita mampu membina kemajuan negara kita dengan hala tuju yang jelas.

Ketiga: Pupuklah nilai kasih sayang dan perasaan empati dalam kalangan masyarakat, kerana dengan adanya dua elemen ini perpaduan akan dapat diraih justeru kemerdekaan akan dapat dijaga.

SIDANG JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT

Mimbar turut menyeru kepada jemaah sekalian, diingatkan bahawa fitnah akhir zaman adalah sesuatu yang pasti berlaku dan telah diberi amaran oleh Rasulullah SAW. Ia bukan sekadar tentang fitnahnya Dajjal, tetapi merangkumi ujian harta, kuasa, ilmu, dan perpecahan umat. Media sosial yang kita pegang boleh menjadi alat dakwah, tetapi juga boleh menjadi jalan fitnah. Gaya hidup yang kita pilih boleh mendekatkan kita kepada Allah SWT, atau menjauhkan kita daripada-Nya. Sebagai Muslim, kita wajib memperkuat iman, menuntut ilmu yang benar dengan bertabayyun yakni meneliti terlebih dahulu sumber maklumat yang hendak disebar sama ada jelas kesahihannya mahupun sebaliknya dan berpegang teguhlah kepada Al-Quran serta Sunnah agar selamat daripada fitnah besar ini.

Rasulullah SAW bersabda yang **bermaksud:** *“Berpegang teguhlah dengan Sunnahku dan Sunnah Khulafa’ ar-Rasyidin yang diberi petunjuk, gigitlah ia dengan gigi geraham.”* (HR. Abu Daud & Tirmizi)

Akhirnya, semua kembali kepada pilihan kita. Adakah kita mahu hanyut dalam arus fitnah, atau kita mahu menjadi hamba Allah yang sabar dan berpegang kepada al-Quran dan Sunnah?

Menutup khutbah pada kali ini, khatib ingin mengajak jemaah Jumaat yang dikasihi untuk bersama-sama menginsafi firman Allah SWT dalam surah al-Hujurat ayat 13:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Yang bermaksud: *“Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu).”*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفَرْتَوَانْ أَكُوغْ وَكَذَلِكَ عَلَى فَخَّامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانْ يَغْ تَرَاوَتَامْ يَغْ دَفَرْتَوَانْ نَكْرِي سَابَه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ اذْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara kami yang dizalimi di bumi barakah Palestin, kasihani dan limpahkanlah Rahmat-Mu ke atas mereka.

Ya Allah! Naungilah kehidupan, negeri dan juga negara kami. Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat yang keji. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang

Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Hubungi [088-522127/](tel:088-522127) jheains.penerbitan@gmail.com untuk sebarang pertanyaan/ maklumat lanjut.